



7 Julai 2012

## Hong Kong rampas dadah RM311.1 juta

### Bahan terlarang dipercayai dari Equador

Hong Kong: Pegawai kastam wilayah ini mengumumkan semalam bahawa mereka membuat rampasan terbesar setakat ini iaitu 649 kilogram dadah bernilai AS\$98 juta (RM311.10 juta). "Dadah ditemui dalam kontena penghantaran yang tiba di pelabuhan jajahan ini dari Ecuador," kata Ketua Biro Siasatan Dadah Jabatan Kastam, John Lee. Beliau berkata pihaknya percaya kebanyakan penghantaran adalah untuk pasaran Asia Tenggara atau tanah besar China.

"Kontena itu adalah satu daripada kelompok yang menyebabkan pegawai Pentadbiran Penguatkuasa Undang-undang Dadah Amerika Syarikat (DEA) diterbangkan ke wilayah ini untuk pemeriksaan lanjut," katanya.

Lee berkata, pegawai kastam menemui dadah itu selepas mengekori penghantaran ketika ia dibawa dengan treler Rabu lalu dari pelabuhan ke sebuah tapak penerimaan di New Territories di pinggir bandaraya ini dan diambil dua lelaki yang dipercayai pihak berkuasa anggota sindiket dadah tempatan.

Apabila mereka memeriksa penghantaran, pegawai menemui 541 bata kokain, setiap satunya seberat kira-kira 1.2 kilogram, disembunyikan dalam satu penghantaran kayu laurel. Pemandu dan dua lelaki terbabit ditahan.

Lee berkata jabatan kastam wilayah ini bekerja dengan DEA dan agensi penguat kuasa undang-undang Amerika Selatan tahun ini bagi memerangi penyeludupan dadah.

Rampasan itu mengatasi rampasan sebanyak 560 kilogram kokain yang dibuat tahun lalu bernilai kira-kira AS\$77 juta (RM244.52 juta) ditemui dalam sebuah gudang pinggir bandar. Lima warga Mexico dan seorang warga Colombia antara lapan ditahan dalam kes itu.

Selasa lalu, pegawai kastam menahan seorang lelaki yang tiba di lapangan terbang dari Sao Paulo, Brazil selepas menemui 1.9 kilogram kokain tersembunyi dalam seluar dalam buatan khas dan kasut yang dipakainya. - AP